

## ITE bahagian penting gerakan SkillsFuture

INSTITUT Pendidikan Teknikal (ITE) bukan sahaja menawarkan pendidikan teknikal kepada pelajar, malah merupakan sebahagian penting dalam gerakan SkillsFuture yang bertujuan menggalak pelajar menguasai kemahiran dalam bidang pilihan mereka.

Malah, Pemangku Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran), Encik Ong Ye Kung, berkata pelajar ITE berpeluang melanjutkan pengajian mereka ke peringkat diploma dan ijazah juga.

“Jika anda berminat dalam sesuatu bidang dan ingin menguasai kemahiran dalam bidang itu, anda boleh meraih ijazah menerusi laluan ITE, politeknik dan Institut Teknologi Singapura (SIT).

“Bukan belajar sepanjang jalan tetapi dengan bekerja dan belajar pada masa yang sama dan apabila pelajar itu berjaya meraih ijazah akhirnya mereka sudah menjadi pakar dalam bidang itu,” katanya.

SIT ditubuhkan pada 2009 bagi memberi lebih banyak peluang kepada lulusan politeknik melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.

Encik Ong berkata demikian semasa berucap di majlis penyampaian Anugerah Bestari anjuran Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) di ITE Kolej Timur di Simei semalam.

Beliau turut menarik perhatian perbualannya dengan Perdana Menteri India, Encik Narendra Modi, yang berkunjung ke Singapura baru-baru ini.

Menurut Encik Ong, Encik Modi amat terkesan dengan lawatannya



**ANUGERAH BESTARI 4PM:** Encik Mohammed Fahmy (*tiga dari kanan*) serta dua lagi penerima Anugerah Bestari 4PM – Encik Nur Ramadhan Jumali (*dua dari kiri*) dan Cik Ita Nur 'Aisyah Mohamad Amin – berbual dengan Encik Ong (*berbaju biru*). Mereka disaksikan (*dari kanan*) Presiden 4PM, Encik Izzuddin Taherally; Setiausaha Parlimen (Pendidikan merangkap Pembangunan Sosial dan Keluarga), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim; serta Anggota Parlimen GRC Bishan-Toa Payoh, Encik Saktiandi Supaat. – Foto TUKIMAN WARJI

ke ITE Kolej Central dan menyifatkannya sebagai detik yang paling tidak dapat dilupakan sepanjang lawatannya.

“Ini merupakan satu pencapaian bagi ITE meninggalkan kesan yang mendalam ke atas pemimpin dari luar negara,” ujarnya.

Di majlis tersebut, seramai 45 pelajar Melayu/Islam ITE yang cemerlang dalam bidang akademik dan bukan akademik menerima Anugerah Bestari.

Daripada kesemua penerima anugerah itu, seorang – Encik Mohammed Fahmy Rosly, 26 tahun – menerima Anugerah Pelajar Cemerlang Bestari 4PM yang disampaikan Encik Ong.

Encik Mohammed Fahmy yang lulus daripada ITE Mei lalu dipilih menerima anugerah itu oleh panel pemilihan yang diterajui Setiausaha Parlimen (Ehwal Dalam Negeri), Encik Amrin Amin.

Encik Amrin memberitahu *Berita Harian* bahawa bukan mudah memilih seorang sahaja daripada 45 pelajar bagi menerima anugerah itu kerana mereka semua berjaya meraih pencapaian yang baik.

“Kejayaan Fahmy mencerminkan sifat baik ingin terus mengejar kecemerlangan dan terus memperingkatkan diri,” kata Encik Amrin.

Jelas, anugerah itu juga lebih manis bagi Encik Mohammed Fahmy

yang mengambil jalan lebih jauh dalam perjalanannya berbanding rakan sebayanya.

Pelajar tahun pertama Politeknik Singapura dalam bidang kejuruteraan marin itu pernah hilang minat pada pelajaran dan berhenti sekolah semasa menyertai ITE Tampines dahulu.

Namun semasa menjalani Perkhidmatan Negara (NS), beliau sedar masa depannya kelayakan dengan sekadar GCE peringkat ‘O’.

Oleh itu, beliau memutuskan kembali ke sekolah – ITE Kolej Central – dua tahun lalu dan bersyukur gurunya menerimanya sebagai ‘orang baru’ serta mendorongnya.